

28 MAR 2001

Syed Razak-Laporan

JABATAN PENDIDIKAN KEDAH DIARAH SEDIA LAPORAN TERPERINCI

ALOR SETAR, 28 Mac (Bernama) -- Jabatan Pendidikan Negeri Kedah diarah menyediakan satu laporan terperinci berhubung aspek pendidikan untuk membantu kerajaan negeri mengatasi kelemahan yang wujud bagi mencapai status negeri maju menjelang 2010.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata jabatan berkenaan akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Pendidikan Negeri yang dipengerusikan Prof Datuk Othman Ishak untuk tujuan itu.

"Laporan terperinci ini melibatkan pendidikan di semua peringkat, bermula dari tadika hingga ke institusi pendidikan tinggi di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat dwi-mingguan exco di Kompleks Pendidikan Negeri di sini hari ini.

Syed Razak berkata laporan itu akan meliputi aspek prestasi, sukatan pelajaran, kemudahan, sumber manusia dan sebagainya daripada peringkat tadika, sekolah rendah dan menengah milik kerajaan atau swasta, sekolah agama rakyat dan institusi pendidikan tinggi milik kerajaan atau swasta.

Beliau berkata penyediaan laporan itu akan bermula hari ini dan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan sebelum dibentangkan dalam mesyuarat dwi-mingguan exco untuk tindakan susulan.

"Hasil daripada laporan itu akan dimasukkan dalam Pelan Tindakan Kedah 2010 yang dirancang khusus bagi melihat Kedah mencapai status negeri maju menjelang 2010," katanya.

Sebelum ini, katanya, Jabatan Pendidikan Negeri hanya menyediakan laporan berhubung prestasi atau sebagainya untuk sekolah rendah dan menengah milik kerajaan sahaja.

"Laporan untuk tadika pula disediakan oleh Kemas. Begitu juga dengan sekolah agama rakyat dan sekolah menengah milik swasta yang disediakan oleh pemilik masing-masing. Jadi, selepas ini, Jabatan Pendidikan akan mengumpul semua laporan ini sebelum dibentangkan kepada kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu, Syed Razak berkata satu perjumpaan akan diadakan dengan pemilik kilang serta pelabur di negeri ini bagi mencari jalan membantu mereka menangani kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS).

"Di Kedah, saya yakin mereka tidak terjejas sangat dengan masalah ini dan menjangka tiada pekerja akan diberhentikan seperti yang berlaku di negeri-negeri lain," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan beberapa langkah drastik bagi membendung kesan kelembapan ekonomi AS yang bertujuan menggalakkan rakyat berbelanja untuk merangsang ekonomi negara.

-- BERNAMA

MAN ZB